

Lepas ikan pemangsa ke sungai bayar nazar

BH 18/05/24 m/s 19

Shah Alam: Jabatan Perikanan mengesahkan ada pihak melepaskan ikan pemangsa (invasif) ke perairan umum untuk tujuan ritual keagamaan dan membayar nazar.

Pengarah Perikanan Selangor, Noraisyah Abu Bakar, berkata perbuatan itu dikesan dilakukan pihak tidak bertanggungjawab di Sungai Hulu Bernam, Hulu Selangor apabila rakaman video mengenainya tular, baru-baru ini.

Katanya, jika sebelum ini ikan invasif dibawa masuk bagi tujuan hobi atau dibela dalam akuarium dan dilepaskan ke sistem saliran tempatan apabila tidak lagi mampu mengendalikannya.

"Antara spesies ikan asing ini ialah baung ekor merah, peacock bass dan pacu yang mempunyai

keupayaan membiak serta boleh membesar dengan cepat dan terus berkembang.

"Sebahagian daripadanya juga boleh bertahan dalam keadaan air tercemar seperti ikan keli afrika dan ikan bandar raya (ikan pleco)," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Mohon khidmat nasihat

Noraisyah berkata, pihaknya tidak pernah melarang atau menyekat sesiapa untuk melakukan upacara nazar, namun dengan syarat tidak melepaskan ikan invasif ke perairan umum.

Katanya, orang awam perlu cakna dan tidak mengambil mudah dengan pencerobohan ini atas apa sahaja alasan, termasuk keagamaan, sosial dan masalah untuk memeliharanya.

"Semua pihak yang berhasrat

melepaskan ikan ke perairan umum, dimohon mendapatkan khidmat nasihat dari Pejabat Perikanan Daerah terdekat.

"Ini kerana daripada hasil program inventori dijalankan dan maklum balas daripada nelayan darat mendapati beberapa sungai utama negeri ini kini dikesan menjadi habitat ikan pemangsa.

"Antara sungai berkenaan ialah Sungai Klang, Sungai Langat, Sungai Selangor dan Sungai Bernam, selain beberapa tasik dan kolam takungan," katanya.

Beliau berkata, spesies berkenaan mula mengancam populasi ikan asli tempatan seperti ikan kelah, temoleh, jelawat, lampam, tenggalan, kerai, terbul, sebarau, baung serta udang galah yang selama ini mendiami perairan terbabit.

“Pihak kami tidak pernah melarang atau menyekat sesiapa untuk melakukan upacara nazar, namun dengan syarat tidak melepaskan ikan invasif ke perairan umum.”

Noraisyah Abu Bakar,
Pengarah
Perikanan
Selangor

